

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
SESI I : 2023 / 2024**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 10173
MATEMATIK PERNIAGAAN**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
 2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
 3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
 4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
 5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.
-

Kertas soalan ini mengandungi **SEBELAS (11)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

BAHAGIAN A*[40 markah]*Arahan : Jawab **SEMUA** soalan.

1. Apakah jenis persamaan yang ditunjukkan di bawah?

CLO1

$$x^2 + 4x + 3 = 0$$

T1

- A Persamaan Linear
- B Persamaan Serentak
- C Persamaan Kuadratik
- D Persamaan Linear Serentak

2. Berikut adalah persamaan linear **KECUALI**

CLO1T1

- A $y + 3 = 7$
- B $15y^2 + 2 = 0$
- C $3x + 4y = 20$
- D $2x + y - 10 = 0$

3. Antara berikut, pernyataan manakah menjelaskan Titik Pulang Modal (TPM)?

CLO2T1

- A Peniaga mengalami sedikit kerugian.
- B Peniaga mendapat sedikit keuntungan.
- C Peniaga tidak mendapat keuntungan dan tidak mengalami kerugian.
- D Peniaga mendapat sedikit keuntungan dan tidak mengalami kerugian.

4. Hubungan antara kos, volum dan untung boleh dinyatakan dalam persamaan. Persamaan yang manakah yang mewakili hubungan tersebut?

CLO2T1

- A $\text{Untung} = \text{Hasil} - \text{kos tetap} + \text{kos berubah}$
- B $\text{Untung} = \text{Hasil} - (\text{kos tetap} + \text{kos berubah})$
- C $\text{Untung} = \text{Hasil} + (\text{kos tetap} - \text{kos berubah})$
- D $\text{Untung} = \text{Hasil} - (\text{kos tetap} - \text{kos berubah})$

5. Diberikan persamaan $4x - 2 = 10$. Cari nilai x

CLO2


T1

- A 3
B 4
C 6
D 8

- 6.

CLO2

T1



Rajah 1

Rajah 1 menunjukkan Titik Keseimbangan di dalam Graf Titik Pulang Modal (TPM). Keadaan A wujud kerana


- A kawasan di bawah Titik Pulang Modal.
B kawasan melepasi dari Titik Pulang Modal.
C titik persilangan antara garis Kos Tetap dan Kos Berubah.
D titik persilangan antara garis Jumlah Hasil dan Jumlah Kos.
7. Sekiranya Titik Pulang Modal (TPM) bagi perniagaan Tudung Bawal Premium adalah RM10,625.00 dan kuantiti TPM adalah 850 unit, kirakan harga jualan se unit produk tudung tersebut.

CLO2

T1

- A RM10.50
B RM12.50
C RM15.50
D RM17.50

8.



Rajah 2

Berapakah unit pengeluaran yang diperlukan bagi mencapai Titik Pulang Modal (TPM) dalam Rajah 2 di atas?

- A 250 unit
- B 300 unit
- C 500 unit
- D 750 unit

9. Apakah hubungan antara kos, tokok harga dan harga jualan

CLO1
T2

- A $S = C + M$
- B $S = C - M$
- C $S' = C' + MD$
- D $S' = C' - MD$

10. Di dalam sesebuah perniagaan mungkin akan melibatkan aktiviti penurunan harga barang. Pilih yang manakah **BUKAN** faktor-faktor berlakunya penurunan harga barang.

CLO1
T2

- A Barang telah rosak dan kotor.
- B Membuat promosi dan jualan murah.
- C Barang mendapat permintaan yang tinggi.
- D Barang telah hampir tamat tempoh penggunaan.

11. Pasaraya Mini Keluarga telah membeli buah epal pada harga RM30.00 sekotak dan menjualnya semula pada harga RM45.00 sekotak. Dapatkan nilai tokok harga berdasarkan kos yang diperolehi. CLO2
T2
- A RM15.00
B RM20.00
C RM25.00
D RM45.00
12. Kirakan harga jualan runcit jika kos sebuah set kerusi sofa adalah RM4,500.00 dan peratus tokok harga yang dikenakan adalah 20% berdasarkan kos. CLO2
T2
- A RM4,000.00
B RM5,400.00
C RM6,000.00
D RM7,000.00
13. Qaseh Collection telah menokok harga sepasang baju kurung yang berharga RM259.00 dengan kadar 10% berasaskan kos. Penurunan 5% ditawarkan sempena Hari Raya Aidiladha. Berapakah harga jualan akhir baju kurung tersebut? CLO2
T2
- A RM127.20
B RM198.75
C RM248.90
D RM270.65
14. Pak Kamal mempunyai gerai menjual ketupat. Dia tahu bahawa sebahagian daripada ketupat yang dijualnya mesti diturunkan harga supaya dapat dijual dengan segera. Pak Ali menerima 500 biji ketupat daripada pembekal pada harga RM0.15 sebiji. Dapatkan harga jualan sebiji ketupat yang perlu dikenakan oleh Pak Ali untuk mendapatkan keuntungan 120% daripada kos. CLO2
T2
- A RM0.33
B RM0.45
C RM0.50
D RM0.53

15. Namakan jenis Diskaun Perdagangan sekiranya tawaran diskaun yang CLO1
dinyatakan adalah 20/10/5. T3

- A Diskaun Perdagangan Tunai
- B Diskaun Perdagangan Setara
- C Diskaun Perdagangan Tokok
- D Diskaun Perdagangan Bersiri

16. Pilih pernyataan yang **BETUL** tentang syarat kredit 5/15, n/30 CLO1
T3

- A Diskaun tunai akan diberikan sebanyak 5% jika hutang dijelaskan dalam tempoh 15 hari dari tarikh invois.
- B Diskaun tunai akan diberikan sebanyak 5% jika hutang dijelaskan dalam tempoh 30 hari dari tarikh invois.
- C Diskaun tunai akan diberikan sebanyak 15% jika hutang dijelaskan dalam tempoh 5 hari dari tarikh invois.
- D Diskaun tunai akan diberikan sebanyak 15% jika hutang dijelaskan dalam tempoh 30 hari dari tarikh invois.

17. Diberi maklumat berikut: CLO2
T3

Tarikh invois: 1 Ogos 2023

Terma diskaun: 5/15, n/30

Jumlah invois: RM1,000.00

Berdasarkan maklumat di atas, kirakan diskaun tunai yang diperolehi jika hutang dijelaskan pada 10 Ogos 2023.

- A RM5.00
- B RM50.00
- C RM150.00
- D RM200.00

18. Sekiranya harga senarai bagi tilam Cowaz adalah RM4,500.00 dan mempunyai kadar diskaun perdagangan 20%, kirakan jumlah diskaun perdagangan yang diperolehi. CLO2
T3
- A** RM875.00
B RM900.00
C RM975.00
D RM3,600.00
19. En. Khairul Amin menerima invois bertarikh 15 April 2023 dengan syarat kredit 5/10, R.O.G. Item pesanan tersebut diterima pada 22 April 2023. Bilakah tempoh masa yang layak untuk En. Khairul Amin menerima diskaun? CLO2
T3
- A** Sebelum atau pada 25 April 2023
B Sebelum atau pada 30 April 2023
C Sebelum atau pada 02 Mei 2023
D Sebelum atau pada 10 Mei 2023
20. Syarikat Berjaya menerima invois bertarikh 08 September 2023 bernilai RM2,000.00 dengan syarat kredit 4/10, E.O.M. Berapakah jumlah yang perlu dibayar sekiranya invois tersebut dijelaskan sepenuhnya pada 02 Oktober 2023? CLO2
T3
- A** RM80.00
B RM1,800.00
C RM1,920.00
D RM2,000.00

BAHAGIAN B*[60 markah]*

Arahan : Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1

- a. Nyatakan definisi kos tetap dan berikan **DUA (2)** contoh

CLO1

[3 markah] T1

- b. Tunjukkan nilai x bagi setiap persamaan di bawah:

CLO1

i. $4x - 2 = 6$

T1

[2 markah]

ii. $3(x - 2) + 2x = 14$

[2 markah]

- c. Liyana Cookies menghasilkan biskut kacang sempena Hari Raya Aidilfitri. Maklumat jualan adalah seperti berikut:

CLO2T1

Jumlah Jualan: 10,000 unit

Harga Jualan Seunit: RM30.00

Kos berubah seunit: RM15.00

Kos tetap: RM20,000.00

Kirakan untung yang diperolehi jika semua produk itu terjual.

[5 markah]

- d. Perniagaan Jelita Beauty & Cosmetic telah mengeluarkan produk penjagaan kesihatan dan kecantikan bagi wanita. Maklumat berkaitan pengeluaran produk ini adalah seperti berikut:

CLO2
T1

Paksi X (Kuantiti (Unit))	Paksi Y (RM)			
	Kos tetap	Kos berubah	Jumlah kos	Jumlah hasil
0	50,000	0	50,000	0
2500	50,000	2500	52500	12500
5000	50,000	5000	55000	25000
7500	50,000	7500	57500	37500
10000	50,000	10000	60000	50000
12500	50,000	12500	62500	62500
15000	50,000	15000	65000	75000
17500	50,000	17500	67500	87500
20000	50,000	20000	70000	100000

Berdasarkan maklumat di atas,

- i) Lakarkan graf bagi kos tetap, kos berubah, jumlah kos dan jumlah hasil.
[6 markah]
- ii) Tandakan lokasi Titik Pulang Modal (TPM) di graf berdasarkan kuantiti dan nilai (RM).
[2 markah]

Soalan 2

- a. i. Nyatakan **DUA (2)** jenis asas yang digunakan dalam pengiraan tokok harga. CLO1
T2
[2 markah]
- ii. Di dalam penentuan harga, kebanyakan peniaga menjangkakan barangan tidak tahan lama dan barangan bermusim tidak akan dapat dijual kesemuanya kerana rosak atau tidak lagi diingini oleh pembeli. Berikan **DUA (2)** contoh barangan bermusim.
[2 markah]
- b. i. Jika kadar kos ialah 100% dan kadar tokok harga adalah 54%. Berapakah kadar harga jualan? CLO1
T2
[2 markah]
- ii. Pasarayaku membeli kemeja lelaki daripada pembekal Aeon Jaya pada harga RM15.00 sehelai dan menjualnya semula pada harga RM25.00 sehelai. Dapatkan tokok harga dan kadar tokok harga berdasarkan kos.
[4 markah]
- c. i. Sebuah komputer yang dibeli daripada pembekal pada harga RM1,500.00 telah ditokok harga sebanyak 20% berasaskan kos. Selepas tiga bulan, penurunan harga 5% diberikan sempena tahun baru. Dapatkan harga jualan akhir komputer tersebut. CLO2
T2
[8 markah]
- ii. Sepasang kasut telah ditokok harga sebanyak 32% daripada kos. Dapatkan peratus tokok harga berasaskan harga jualan yang setara dengan tokok harga kos.
[2 markah]

Soalan 3

- a. Di dalam menguruskan pengiraan diskaun perdagangan, ia turut melibatkan kaedah perpuluhan bersih setara dan diskaun tunggal setara. Berdasarkan Jadual 1 di bawah, anda dikehendaki menyalin dan melengkapkan jadual ini.

CLO1
T3

[4 markah]

Diskaun bersiri	Perpuluhan Bersih Setara
35/30/20	
30/20/15	
25/15/10	
15/10/5	

Jadual 1

- b. Berapakah jumlah yang perlu dibayar untuk invois bernilai RM750.00 dengan syarat kredit 5/15, R.O.G bertarikh 3 Mac sekiranya pesanan tersebut diterima pada 9 Mac, dan invois dibayar pada:

CLO1
T3

- i. 13 Mac

[2 markah]

- ii. 20 Mac

[2 markah]

- iii. 1 April

[2 markah]

- d. Seorang pembekal meja menawarkan dua pilihan pembelian kepada pembelinya. Pilihan pertama pada harga RM500.00 sebuah dengan siri diskaun tunggal 35%. Pilihan kedua pada harga RM550.00 dengan siri diskaun 20/5/3. Dapatkan

CLO1
T3

- i. Harga bersih bagi tawaran 1

[4 markah]

- ii. Harga bersih bagi tawaran 2

[4 markah]

- iii. Tentukan tawaran pilihan manakah lebih baik dan nyatakan sebab tawaran tersebut dipilih.

[2 markah]

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab